

**INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,  
GOVERNMENT AND COMMUNICATION  
(IJLGC)**  
[www.ijlgc.com](http://www.ijlgc.com)



## **PILIHAN RAYA UMUM (PRU) NEGERI DI MALAYSIA 2023: SATU ANALISIS GEOGRAFIKAL DAN SOSIOLOGIKAL**

**THE STATE GENERAL ELECTION IN MALAYSIA 2023: A GEOGRAPHICAL  
AND SOCIOLOGICAL ANALYSIS**

Junaidi Awang Besar<sup>1\*</sup>, Zaini Othman<sup>2</sup>, Novel Lyndon<sup>3</sup>, Aajirah Hanim Abdul Halim<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekutaran; Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan; Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor

Email: jab@ukm.edu.my

<sup>2</sup> Institut Kajian Etnik; Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor

Email: znothman@ukm.edu.my

<sup>3</sup> Program Antropologi dan Sosiologi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekutaran; Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan; Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor

Email: novel@umk.edu.my

<sup>4</sup> Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekutaran; Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan; Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor

Email: aajirahhanim@gmail.com

\* Corresponding Author

### **Article Info:**

#### **Article history:**

Received date: 02.10.2023

Revised date: 09.11.2023

Accepted date: 20.11.2023

Published date: 05.12.2023

#### **To cite this document:**

Awang Besar, J., Othman, Z., Lyndon, N., & Abdul Halim, A. H. (2023). Pilihan Raya Umum (PRU) Negeri Di Malaysia 2023: Satu Analisis Geografikal Dan Sosiologikal. *International Journal of Law, Government and Communication*, 8 (34), 22-37.

**DOI:** 10.35631/IJLGC.834002

### **Abstrak:**

Pilihan Raya Umum (PRU) Negeri Selangor, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Kelantan, Terengganu dan Kedah 2023 di Malaysia merupakan satu pilihan raya yang penting bagi melihat impak PRU-15 pada tahun 2022 terhadap parti politik dalam Kerajaan Perpaduan iaitu Pakatan Harapan (PH) dan Barisan Nasional (BN) serta parti politik daripada Sabah dan Sarawak; dengan dan Perikatan Nasional (PN) sama ada berterusan atau wujud pola baharu. Impak yang dimaksudkan adalah pola sokongan pengundi Melayu dan Cina serta polisi atau dasar Kerajaan Perpaduan yang dijalankan oleh PMX. Sokongan pengundi terhadap parti politik dalam PRU Negeri 2023 juga dipengaruhi oleh hubungan antara pengundi dengan individu lain serta pengaruh persekitaran. Justeru, adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk menganalisis faktor geografikal dan sosiologikal dalam PRU Negeri di Malaysia pada 2023. Berdasarkan analisis data keputusan PRU Negeri 2023 di Malaysia, pemerhatian di lapangan dan analisis sumber sekunder seperti artikel jurnal dan kertas persidangan, dapatkan kajian menunjukkan bahawa dari sudut geografikal, PH dan PN masing-masing kekal menguasai negeri yang dimenangi pada PRU-14 2018 iaitu PH kekal menguasai Pulau Pinang, Selangor dan Negeri Sembilan namun dengan penyusutan kerusi di Kawasan Melayu luar bandar; manakala PN kekal di Kelantan, Terengganu dan Kedah.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



Dari sudut sosiologikal pula, naratif bahawa "gelombang hijau" ataupun "referendum terhadap PH-BN" perlu diulang-fikir dan tidak seharusnya diterima secara total. Artikel ini menjelaskan bahawa berasaskan kepada analisis dari dimensi sosiologikal dan juga struktural jelas menunjukkan bahawa keputusan PRN 6 Negeri terkandung naratif yang berbeza yang boleh diangkat dan dipertimbangkan iaitu pengukuhan "gelombang merah" dan juga "referendum ahli UMNO" terhadap parti UMNO yang kini merupakan sekutu utama PH-BN dalam kerajaan perpaduan. Oleh itu, faktor geografikal dan sosiologikal akan terus dapat mempengaruhi arah dan pola sokongan pengundi dalam pilihan raya di Malaysia.

#### Kata Kunci:

Geografikal, Sosiologikal, Pilihan Raya Umum, Parti Politik, Kerajaan

#### Abstract:

The 2023 General Elections (GE) in the state of Selangor, Negeri Sembilan, Penang, Kelantan, Terengganu and Kedah in Malaysia is an important election to see the impact of GE-15 in 2022 on the parties in the Unity Government namely Pakatan Harapan (PH) and Barisan Nasional (BN) and political parties from Sabah and Sarawak; with and Perikatan Nasional (PN) either continue or create a new pattern. The intended impact is the support pattern of Malay and Chinese voters, as well as the policies or policies of the Unity Government carried out by PMX. Voter support for political parties in the 2023 state election is also influenced by the relationship between voters and other individuals as well as the influence of the environment. Therefore, it is the purpose of writing this article to analyze the geographical and sociological factors in the State General Election in Malaysia in 2023. Based on the data analysis of the State General Election 2023 in Malaysia, observations in the field and analysis of secondary sources such as journal articles and conference papers, the findings of the study show that from a geographical point of view, PH and PN each remain in control of the states they won in GE-14 2018, namely PH remains in control of Penang, Selangor and Negeri Sembilan but with a decrease in seats in rural Malay areas; while PN remains in Kelantan, Terengganu and Kedah. From a sociological point of view, the narrative that "green wave" or "referendum against PH-BN" needs to be rethought and should not be accepted in totality. This article explains that based on the analysis from the sociological and structural dimensions it clearly shows that the results of the 6 State PRN contain different narratives that can be raised and considered, namely the strengthening of the "red wave" and the "referendum of UMNO members" against the UMNO party which is now the main ally. PH-BN in a unity government. Therefore, geographical and sociological factors will continue to influence the direction and pattern of voter support in elections in Malaysia.

#### Keywords:

Geographical, Sociological, General Elections, Political Parties, Government

## Pengenalan

PRN 6 Negeri yang berlangsung pada 12.8.2023 yang lalu dilabelkan oleh ramai pemerhati dan penganalisis politik dalam dua dimensi analisis iaitu pertama, pengukuhan kepada "Gelombang Hijau" yang muncul daripada keputusan PRU-15 (2022) yang lalu, manakala, kedua, keputusan PRN 6 Negeri disebut sebagai "a big referendum towards PH-BN Governments" yang diketuai

oleh Anwar Ibrahim selaku Perdana Menteri Malaysia ke-10. Tidak dapat dinafikan, sekilas pandang, berdasarkan kepada keputusan yang telah diistiharkan di enam negeri tersebut, adalah sama ada merupakan “pengukuhan kepada kebangkitan gelombang hijau” dan juga sebuah “referendum” oleh majoriti pengundi, khususnya pengundi Melayu terhadap Kerajaan Perpaduan pimpinan gabungan kerjasama Parti Pakatan Harapan (PH) dan Barisan Nasional (BN).

Apakah dua dimensi analisis tersebut merupakan cerminan sosiologikal yang tepat untuk melabelkan keputusan PRN di enam negeri berkenaan? Atau dari satu dimensi yang lain, secara sosiologikalnya keputusan PRN di enam negeri berkenaan adalah juga merupakan “pengukuhan kepada gelombang merah” dan sebuah “referendum pengundi Melayu terhadap kepimpinan Parti UMNO”? Jika ianya adalah satu manifestasi kepada “pengukuhan kepada gelombang merah” dan sebuah “referendum kepada kepimpinan politik UMNO”, bagaimanakah pernyataan ini dapat difahami?

Berdasarkan kepada keputusan PRN pada 12.8.2023 yang lalu, artikel ini secara geografikal dan sosiologikalnya merupakan sebuah cubaan untuk menganalisis dengan menggunakan data kualitatif dan sekunder bahawa keputusan PRN 2023 adalah juga merupakan sebuah keputusan yang menandai kepada “pengukuhan gelombang merah selain daripada gelombang hijau” dan merupakan sebuah “referendum pengundi Melayu” terhadap kepimpinan UMNO berbanding “referendum terhadap kerajaan pimpinan PH-BN”. Sokongan pengundi terhadap parti politik dalam PRU Negeri 2023 juga dipengaruhi oleh hubungan antara pengundi dengan individu lain serta pengaruh persekitaran. Justeru, adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk menganalisis faktor geografikal dan sosiologikal dalam PRU Negeri di Malaysia pada 2023.

### **Kajian Lepas**

Kajian lepas dalam artikel ini merujuk kepada pasca PRU 2022. Mohammad Qayyum (2022) dalam buku yang bertajuk “Anwar Ibrahim PM10” menyatakan bahawa karisma dan pengaruh Anwar akan menjadi taruhan beliau sebagai PM10 untuk mengemudi Malaysia ke landasan yang baik untuk memulihkan ekonomi dan politik negara ini.

Muhammad Yusri (2022) dalam artikel akhbar yang bertajuk “PRU15: Pola undi popular berubah secara signifikan” menyatakan bahawa trend pengundian pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) menyaksikan perubahan pola undi popular yang menyaksikan graf populariti setiap gabungan parti politik turun naik secara signifikan. Keadaan tersebut dikatakan disumbang kelompok majoriti senyap yang lebih tertumpu untuk membuat perbandingan tanpa pembabitan secara langsung dan jelas, termasuk di platform media sosial. Keadaan itu antara lain dikatakan turut dibayangi faktor penolakan terhadap parti atau calon tertentu, selain didorong sentimen dikenangkan sepanjang tempoh berkempen.

Populariti PAS dilihat lebih terserah, berbanding gabungan atau parti politik lain yang bertanding pada PRU-15. Populariti PAS antara lain berjaya membentuk ‘tsunami politik hijau’ yang mengalihkan perhatian, terutama pengundi muda untuk menyokong parti Islam itu. Pencapaian PAS lebih ke hadapan apabila berjaya menawan 49 kerusi pada PRU-15, berbanding hanya menang di 18 kerusi Parlimen pada PRU-14. Prestasi parti politik yang meningkat dalam PRU-15 adalah BERSATU (PRU 2018 dengan 13 kerusi; PRU 2022 dengan 30 kerusi) dan GPS (PRU 2018 dengan 18 kerusi; PRU 2022 dengan 23 kerusi). Parti lain mencatatkan prestasi yang menurun iaitu UMNO (PRU 2018 dengan 54 kerusi; PRU 2022

dengan 28 kerusi); DAP (PRU 2018 dengan 42 kerusi; PRU 2022 dengan 40 kerusi); PKR (PRU 2018 dengan 47 kerusi; PRU 2022 dengan 31 kerusi) dan AMANAH (PRU 2018 dengan 11 kerusi; PRU 2022 dengan 8 kerusi).

Mohd Azhar & Kassim (2022) dalam artikel akhbar yang bertajuk "Naratif 'kaum dan agama' mampu gugat agenda perpaduan nasional" menyatakan bahawa 'naratif 'kaum dan agama' masih relevan serta menjadi senjata utama untuk meraih sokongan khususnya dalam kalangan pengundi atas pagar dan pengundi muda. Dengan pertambahan jumlah undi baharu dan Undi18 hingga hampir 7 juta, naratif itu kerap tersiar di media sosial hingga menjadi alat indoktrinasi berkesan. Kebanyakan kajian menunjukkan media sosial menjadi medium utama golongan itu memperoleh sumber maklumat politik. Apakah lagi, jika sesuatu maklumat dan gambar disiar atau ditonton berulang-ulang kali hingga akhirnya tanpa panduan dan bimbingan betul, golongan itu akan menerima apa saja disuapkan. Memang pelik naratif 'kaum dan agama' masih menjadi modal dan senjata pada era teknologi digital ini. Isu sensitif inilah antara sebab perubahan 'tsunami sokongan' pengundi.

Sehari dua sebelum hari pengundian Sabtu lalu, naratif itu semakin keras dan bertubi-tubi menerjah pelbagai saluran media sosial. Sebenarnya, Akta Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) antara lain menyebut mana-mana individu, parti atau blok politik tidak dibenarkan menggunakan isu sensitif secara terbuka yang boleh menjelaskan ketidakteraman awam. Situasi ini amat aktif di media sosial sepanjang dua minggu tempoh berkempen, malah berterusan hingga kini. Pemimpin politik dan pencipta kandungan dengan berani mengangkat naratif agama dan kaum serta menyebarluaskannya di media sosial. Mereka memainkan isu kedaulatan Raja-Raja Melayu, Kristianisasi dan hak istimewa orang Melayu sebagai bahan kempen menarik pengundi, sedangkan semua isu utama kenegaraan tidak boleh diubah tanpa persetujuan Parlimen, Yang di-Pertuan Agong dan Majlis Raja-Raja (MRR).

Justeru, pihak bertanggungjawab seperti SPR dan pihak berkaitan perlu sensitif dengan apa berlaku. Mereka perlu responsif dan bertindak kepada semua pihak sengaja menimbulkan isu sensitif berbaur agama dan kaum. Jika tidak dicegah dan dibiarkan berlarutan, defisit sosial antara kaum akan terus melebar. Malah setiap kali menjelang PRU, isu dan sentimen sama diyakini akan terus diulang sebagai indoktrinasi. Malaysia sudah merdeka selama 65 tahun, malah Ogos 2022, kita menyambut Hari Kemerdekaan dengan tema 'Keluarga Malaysia Teguh Bersama.' Meskipun berbeza ideologi dan parti politik, kita perlu memartabatkan agenda perpaduan nasional serta berpolitik secara sihat dan profesional.

Mohd Yusri & Aiman (2022) dalam bab dalam buku yang bertajuk 'Masyarakat Madani Teras Pembinaan Negara' menjelaskan bahawa masyarakat madani bermaksud masyarakat yang hidup secara bertamadun yang menguasai ilmu, berfikir secara holistik, serta berakidah kepada tuhan. Masyarakat madani dapat menghasilkan negara yang sejahtera dan direhui tuhan.

Shah Mohd Akmal (2023) dalam artikel yang bertajuk "54 Tahun Meniti Perjuangan yang Panjang" menyatakan bahawa Dato' Seri Anwar Ibrahim merupakan seorang ahli politik Malaysia yang panjang perjalanan politiknya iaitu sejak tahun 1968 sebagai pemimpin gerakan pelajar, menyertai ABIM, menyertai UMNO, sehinggalah menyertai PKN/PKR dan berjaya menjadi Perdana Menteri dalam PRU-15, 2022. Beliau dilihat seorang ahli politik yang teruji, kuat, tahan lasak, kental, tabah, sabar, tidak putus asa dalam usaha mencapai cita-cita politiknya.

Noordin (2023) dalam artikel yang bertajuk “PAS Lencongkan Undi Anak Muda” menjelaskan bahawa pada PRU-15, 2022, PAS berjaya mendapat sokongan luar biasa daripada pengundi muda disebabkan mereka inginkan pemimpin dan parti politik yang bersih dari rasuah dan penyelewengan, keberkesanan tagline BEST (Bersih dan Stabil) dan Prihatin, naratif sentimen Melayu-Islam yang dimainkan parti tersebut, pengaruh Tik Tok melalui kempen yang berkesan dan influencer yang pro-PAS, dan jentera kempen PAS/PN yang agresif termasuk mengesan pengundi luar terutamanya pengundi muda dan yang tinggal di universiti untuk pulang mengundi.

Osman (2023) dalam artikel yang bertajuk “Kerajaan Perpaduan: Cabaran Untuk PM ke-10” menyatakan bahawa Kerajaan Perpaduan yang terbentuk pasca PRU-15 pimpinan Dato’ Seri Anwar Ibrahim bakal menghadapi cabaran untuk menyatukan parti politik yang pelbagai ideologi dan aspirasi dalam kerajaan tersebut serta suara lantang 74 ahli Parlimen pembangkang iaitu PN yang bakal menjadi suara ‘sekat dan imbang’ dalam politik negara ini.

Ronifira (2023a) dalam buku yang bertajuk “Anwar PM10: Airmata dan Sumpah, Duri dan Ranjau Sebuah Perjalanan” menyorot hampir 32 tahun Dato’ Seri Anwar Ibrahim menempuh pelbagai rintangan, cabaran, dugaan dan air mata untuk berjuang menjadikan Malaysia sebuah negara yang terbilang sehingga beliau berjaya menjadi Perdana Menteri Malaysia pada 24 November 2022.

Mohd Sayuti (2023) dalam buku yang bertajuk “Noktah. Sebuah Penantian Anwar PM 10” menjelaskan bahawa Dato’ Seri Anwar Ibrahim tidak pernah lelah dan berputus asa dalam menanti kerusi keramat Perdana Menteri Malaysia. Beliau satu-satunya ahli politik Malaysia yang paling teruji, kental dan tabah dengan berjaya dalam politik sebagai Timbalan Perdana Menteri, dipecat, dipenjarakan, diaibkan, dihina, dicemuh dan akhirnya beliau mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-10 pada 24 November 2022.

Mohd Noor (2023) dalam makalah yang bertajuk “Perkembangan Politik Malaysia Pasca PRU-15” menjelaskan bahawa tiada yang mustahil dalam politik, bagaimana PH boleh bekerjasama dengan BN dan UMNO boleh bekerjasama dengan DAP dan Anwar. Namun, percaturan kuasa hasil nasihat Raja-Raja Melayu maka terbentuklah Kerajaan Perpaduan antara PH dan BN lantaran tiadanya parti politik tunggal yang berjaya mendapat 112 kerusi mudah Parlimen. Politik merupakan seni yang serba mungkin berdasarkan usaha untuk mendapatkan kuasa, menekalkan kuasa dan menggunakan kuasa. Logik dan etika normal tidak dapat digunakan sepenuhnya dalam analisis politik Malaysia pasca PRU-15. Dalam politik tidak ada musuh dan kawan yang kekal. Asas percaturan utama berpaksikan kuasa yang bakal digenggam. Demi mendapatkan kuasa dan mengekalkan kuasa, percaturan antara parti politik, kerjasama dan sebarang pakatan boleh berlaku. Perkara yang berlaku dalam parti politik selepas PRU-15 merupakan sebahagian daripada fenomena biasa aktor politik yang hanya boleh difahami dengan mendalam oleh pelaku, pengamal dan penganalisis politik.

Agenda Massa (2023a) dalam artikel yang bertajuk ‘Perkahwinan’ Politik Luar Biasa menjelaskan bahawa keputusan PRU-15 2022 telah membuka satu pemetaan politik baru apabila buat pertama kali dalam sejarah bahawa tiada satupun parti politik secara tunggal berjaya mendapat majoriti mudah 112 kerusi parlimen dan ini menyebabkan pembentukan satu Kerajaan Perpaduan yang merentas parti yang perbagai idealogi dan kewilayahannya.

Junaidi (2023a) dalam artikel jurnal yang bertajuk “Pilihan Raya Umum Malaysia ke-15: Pola Sokongan Pengundi Berdasarkan Faktor Kewilayah” menjelaskan bahawa PH terus menguasai wilayah Pantai Barat Semenanjung Malaysia serta di Sabah serta Sarawak di kawasan bandar dan separa bandar campuran etnik dan majoriti Cina, PN menguasai wilayah Pantai Timur dan Utara serta sebahagian kecil di Barat dan Selatan Semenanjung Malaysia di kawasan luar bandar majoriti Melayu iaitu di zon Semenanjung Pantai Timur iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang Timur serta Pahang Tengah; Utara Semenanjung iaitu Perlis dan Kedah serta Pulau Pinang Seberang Prai Utara dan Tengah, Perak Utara, Perak Tengah; sebahagian Barat Semenanjung iaitu Utara Selangor dan Barat Selangor serta Barat Melaka dan Selatan Melaka manakala BN kekal berkuasa di kawasan luar bandar tengah Semenanjung Malaysia namun dengan jumlah kerusi yang menyusut. Justeru, pengaruh kewilayah turut mempengaruhi pola pengundian dan perlu diambil perhatian oleh pihak yang berkenaan untuk melaksanakan strategi kempen bagi mendapat sokongan daripada pengundi di kewilayah berkenaan.

Noor Azam (2023) dalam artikel yang bertajuk ‘Kepimpinan Tunjang Pembentukan Malaysia Madani’ menjelaskan bahawa makna istilah madani yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia ke-10 Dato’ Seri Anwar Ibrahim memerlukan penelitian yang menyeluruh. Hal ini demikian kerana istilah madani merangkumi semua aspek kehidupan dalam konteks manusia yang melibatkan kehidupan manusia sebagai anggota masyarakat, komuniti serta sebagai anggota dalam sebuah negara yang ditunjangi oleh pemimpin negara yang berwibawa dan terpilih.

Junaidi (2023b) dalam artikel jurnal yang bertajuk “PRU-15: Tiadanya Parti Politik Yang Menang Majoriti Mudah 112 Kerusi Parlimen Untuk Membentuk Kerajaan Persekutuan Malaysia” menjelaskan bahawa keputusan PRU-15, 2022 menunjukkan tiadanya satu parti tunggal berjaya mendapat majoriti mudah 112 kerusi untuk menguasai Parlimen dan Kerajaan Persekutuan. Keputusan ini disebabkan kegagalan BN untuk memenangi majoriti mudah akibat peralihan besar undi Melayu kepada PN. Peralihan besar undi ini berfaktorkan kepada kesedaran pengundi Melayu untuk memilih parti politik dan pemimpin yang bersih dan dapat diharapkan memperjuangkan hak orang Melayu dan Islam. Hasil kebijaksanaan titah serta nasihat Baginda Yang Dipertuan Agong maka terbentuklah Kerajaan Perpaduan daripada 148 ahli Parlimen iaitu majoriti 2/3 daripada 222 ahli Parlimen Malaysia yang terdiri daripada PH, BN, GPS, GRS, WARISAN, KDM, PBM dan 2 orang ahli Parlimen Bebas. PN (74 ahli Parlimen) tidak menyertai Kerajaan Perpaduan dan bertindak menjadi pembangkang. Dengan itu juga, Dato’ Seri Anwar Ibrahim daripada PH telah dilantik sebagai Perdana Menteri Ke-10.

Krishnamoorthy (2023a) dalam buku yang bertajuk ‘Anwar Prison to Palace PM for All’ menjelaskan Anwar Ibrahim telah melalui pelbagai liku dan cabaran dalam berpolitik termasuk dipenjarakan dan akhirnya dalam kemelut politik pasca PRU 2022 maka beliau berjaya menjadi Perdana Menteri dengan mendapat mandat kukuh 148 ahli Parlimen atau 2/3 daripada 222 ahli Parlimen. Justeru, kuasa di tangan beliau maka inilah masanya untuk beliau membantu rakyat dan negara untuk bangkit daripada pemulihan era pandemik COVID-19 yang sangat mencabar.

Reilly (2023) dalam bab dalam buku yang bertajuk ‘Electoral Reform and Ethnic Politics: Malaysia in Comparative Perspective’ menjelaskan bahawa politik perkauman di Malaysia agak sukar untuk diketepikan kerana komposisi etnik di negara tersebut yang masih berbilang bangsa iaitu tiadanya kaum yang paling dominan sehingga 90 peratus. Meskipun dibuat

reformasi pilihan raya namun elemen politik perkauman perlu diambil kira demi memastikan keadaan sosiopolitik negara ini dalam keadaan aman dan tenteram.

Business Today (2023) dalam artikel yang bertajuk ‘Anwar Ibrahim 100 Days Report Card: Pass of Fail?’ menjelaskan bahawa terdapat banyak pembaharuan yang diperkenalkan beliau sepanjang 100 hari pemerintahannya dengan pembentukan Kerajaan Perpaduan, Malaysia Madani, Produk Rahmah dan sebagainya. Meskipun bersifat jangka pendek namun beliau perlu diberi peluang sekurang-kurangnya 2 penggal iaitu 10 tahun untuk membawa Malaysia ke landasan yang terbaik dari segi ekonomi, sosial dan politik.

Agenda Massa (2023b) dalam artikel yang bertajuk ‘Belanjawan 2023: Membangun Malaysia Madani’ menjelaskan bahawa belanjawan pertama kali Dato’ Seri Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan adalah belanjawan yang tertinggi dalam sejarah belanjawan negara iaitu RM388.1 billion. Belanjawan ini adalah penting untuk memastikan agar negara bangkit daripada kemelesetan ekonomi akibat wabak pandemik COVID-19 pada awal 2020 bagi memastikan rakyat dalam hidup dengan sejahtera dan terus bertahan dalam tempoh ekonomi dunia yang tidak menentu sepanjang tahun 2023.

Mohamed Nasser (2023a) dalam buku ‘100 Warkah, 1,000 Impian Anwar PM-10: Coretan Rakyat Malaysia, jilid 1’ menjelaskan bahawa rakyat Malaysia daripada pelbagai latar belakang sosioekonomi mengharapkan PMX ini membaca dan mengambil langkah susulan terhadap warkah daripada rakyat Malaysia ini agar negara ini berada dalam keadaan aman, sejahtera dan dilindungiNya.

Mohamed Nasser (2023b) dalam buku ‘100 Warkah, 1,000 Impian Anwar PM-10: Coretan Rakyat Malaysia, jilid 2’ menjelaskan bahawa PMX perlu mendengar, menghayati dan mencari jalan penyelesaian terhadap keluh kesah rakyat di negara ini yang sedang menghadapi pelbagai masalah atau musibah yang perlu ditangani dengan baik dan bijaksana oleh PMX.

Kamarazaman (2023) dalam buku yang bertajuk ‘Bersama Anwar ke Penjara’ menjelaskan bahawa suara dan pidato Anwar menggambarkan beliau seorang orator dan pemimpin yang karismatik sama ada di kota mahupun di desa. Perjalanan politik beliau pebuhan dengan ranjau, berliku dan bersimpang siur. Perjuangan merakyat beliau sejak zaman muda, ditahan dibawah ISA, menyertai kerajaan, dipecat dari kerajaan, menjadi ahli politik pembangkang hingga sekarang dapat menjadi Perdana Menteri Malaysia ke-10 (PMX).

Krishnamoorthy (2023b) dalam buku yang bertajuk ‘Anwar: Penjara ke Istana, PM Untuk Semua’ menjelaskan bahawa Dato’ Seri Anwar Ibrahim atau PMX merupakan seorang pemimpin negara yang memiliki perjalanan hidup yang sangat menarik dengan liku serta pahit manis dalam perjuangan politik beliau. Daripada perjuangan sebagai pemimpin gerakan pelajar di UM, penyertaan dalam NGO Islam iaitu ABIM, menyertai UMNO dan Kerajaan BN pada tahun 1982, dipecat daripada kerajaan dan parti pada tahun 1997, menghasilkan gerakan Reformasi untuk menukar kerajaan, menjadi ahli Parlimen dan dilantik sebagai Ketua Pembangkang di Parlimen, hingga berjaya menjadi Perdana Menteri selepas PRU-15, 2022.

Ronifira (2023b) dalam buku yang bertajuk ‘Anwar: Prolog Menuju Negara Bangsa Progresif’ menjelaskan bahawa selepas Dato’ Seri Anwar Ibrahim mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia pada 24 November 2022, pelbagai dugaan sama ada dari segi cabaran,

persepsi, dan strategi daripada pihak tertentu untuk menggugat Kerajaan Perpaduan pimpinan beliau. Namun dalam masa yang sama, terdapat kejayaan beliau dalam memimpin Malaysia dalam tempoh 6 bulan pertama, aspirasi Kerajaan MADANI, sehingga menilai kebijaksanaan strategi yang mampu memperkasakan Kerajaan MADANI tersebut.

### **Metod Kajian**

Bagi metod kajian, penulisan artikel ini menggunakan pendekatan penghuraian maklumat kualitatif daripada sumber sekunder iaitu artikel jurnal, buku akademik dan kertas persidangan berdasarkan tema PRU enam Negeri ke-15 di Malaysia yang kemudiannya dianalisis berdasarkan faktor dan pola pengundian. Data sekunder dirujuk untuk memantapkan lagi artikel ini dalam konteks ilmiah. Data sekunder merupakan maklumat berbentuk kualitatif melibatkan pengumpulan maklumat yang telah direkodkan dengan baik dalam bentuk rakaman bertulis. Dalam kajian ini, pengumpulan data sekunder diperoleh dengan melakukan penyelidikan kepustakaan. Segala kajian lepas dan data daripada sumber kedua iaitu buku akademik, artikel jurnal serta kertas kerja persidangan/simposium/seminar dapat membantu pengkaji untuk mendapatkan gambaran yang berkaitan dengan penyelidikan sesuatu kajian. Di samping itu, pengkaji juga mendapatkan maklumat dari media-media elektronik seperti melayari laman sesawang/internet bagi mendapatkan maklumat tambahan secara atas talian seperti laporan penyelidikan, kertas kerja dan artikel jurnal. Analisis data pula melibatkan adunan antara maklumat kualitatif berdasarkan pemerhatian di lapangan, data kuantitatif iaitu data keputusan pilihan raya umum serta analisis maklumat sekunder dilakukan bagi bahan-bahan bercetak dan atas talian (internet).

### **Hasil Kajian Dan Perbincangan**

#### ***Keputusan PRU 6 Negeri di Malaysia 2023***

PH dan PN masing-masing kekal menguasai negeri yang dimenangi pada PRU-14 2018 iaitu PH+BN kekal menguasai Pulau Pinang (29 daripada 40 kerusi), Selangor (34 daripada 56 kerusi) dan Negeri Sembilan (31 daripada 36 kerusi) namun dengan penyusutan kerusi di kawasan Melayu luar bandar; manakala PN kekal di Kelantan (43 daripada 45 kerusi), Terengganu (36 kerusi penuh/bersih) dan Kedah (33 daripada 36 kerusi). Perikatan Nasional (PN) menang di 146 kerusi dari keseluruhan 245 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) berbanding PH 80 kerusi dan BN 19 kerusi. Namun undi popular gabungan parti itu berada hampir sama dengan blok Pakatan Harapan (PH)-Barisan Nasional (BN). Secara keseluruhannya, PN memperoleh sebanyak 49.3 peratus undi popular pada PRN ini, manakala gabungan PH-BN pula, meraih 49.5 undi popular.

Di negeri Pantai Timur, PN berjaya meraih undi popular paling tinggi di Kelantan iaitu sebanyak 69.23 peratus, manakala PH-BN pula 30.54 peratus. Di Terengganu, PN berjaya mendominasi undi popular dengan 68.44 peratus, manakala PH-BN pula, 31.48 peratus. Di Pantai Barat, PH berjaya mendapat 66.7 peratus undi popular di Pulau Pinang, 60.6 peratus di Selangor dan 60.8 peratus di Negeri Sembilan. Faktor utama pecahan undi popular ialah kerana kepadatan pengundi, iaitu kawasan seperti di Selangor dan Pulau Pinang mempunyai pengundi yang lebih padat di satu-satu kawasan DUN. PN mengungguli majoriti undi popular bagi segmen pengundi Melayu dan Muslim, manakala PH-BN pula meraihnya daripada pengundi segmen etnik bercampur, selain undi Melayu di kawasan bandar khususnya di Pulau Pinang, Selangor dan Negeri Sembilan.

### **Aspek Geografikal**

Geografi pilihan raya merupakan satu bidang kajian mengenai perbezaan aspek geografi seperti kawasan, persempadanan, kependudukan, pembangunan dan pengaruh ekonomi terhadap trend politik kewilayah (Junaidi 2016a). Geografi pilihan raya juga adalah kajian aspek ruangan organisasi manusia dan keputusan pilihan raya. Subjek kajian yang utama adalah manusia dan interaksinya dengan proses pengundian termasuk keputusan pilihan raya (Amer Saifude 2009). Dalam erti kata lain, geografi pilihan raya menekankan aspek analisis geografi dalam pilihan raya iaitu kajian tentang pola ruang dan kuasa dalam pengundian serta pengaruh faktor sejarah, sosiologi, ekonomi dan faktor setempat terhadap tingkah laku pengundi dan keputusan pilihan raya di sesuatu kawasan. Faktor yang dikaji adalah untuk mengetahui sejauhmana aspek geografi manusia mempengaruhi pola sokongan sesebuah parti politik.


Faktor geografi juga boleh mempengaruhi sesebuah parti politik membuat dasar/rancangan dan strategi mereka untuk mengekalkan sokongan di kawasan lemah atau faktor yang menggalakkan wakil rakyat menyokong keputusan untuk kepentingan pengundi di kawasan tersebut (Sothi 1993). Kajian awal tentang pilihan raya dari sudut geografi atau ruang menimbulkan andaian bahawa rakyat mengundi selaras dengan apa yang mereka anggap penting dari perspektif mereka. Ruang merujuk kepada sifat atau fenomena yang dibahagikan dalam sesuatu lingkungan, kawasan atau sempadan. Elemen ruang seperti perletakan, lokasi, kejiranan dan jarak dilihat mempengaruhi tingkah laku dan pembuatan keputusan. Manusia akan berinteraksi dengan siapa atau di mana berasaskan kepada lokasi dan kejiranan di mana mereka berada. Elemen ruang adalah bahagian penting yang terkandung dalam geografi politik khususnya dalam kajian pilihan raya (Rosmadi et al. 2011).

Corak pengundian di seluruh negara telah banyak berubah kerana dipengaruhi oleh perubahan yang berlaku di persekitaran sosial, ekonomi dan politik. Akibat daripada perubahan ini, keperluan maklumat bagi tindak balas yang lebih cepat telah pun meningkat bagi meningkatkan lagi keberkesan proses pentadbiran, perancangan, pembuatan keputusan dan pembangunan. Perkembangan pesat dalam pembangunan negara, telah membawa kepada permintaan terhadap maklumat-maklumat terkini, tepat dan sahih. Maklumat terutamanya maklumat ruangan menjadi semakin penting dalam semua jenis perancangan dan pembuatan keputusan. Perkara tersebut penting dalam memahami dan mempengaruhi secara aktif segala proses teknologi, sosioekonomi, politik dan ruangan dengan cara yang rasional dan sistematik (Ruslan & Noresah 1998). Begitu juga dengan maklumat pilihan raya telah banyak berubah kerana dipengaruhi oleh perubahan yang berlaku di persekitaran sosial pada masa kini. Peranan faktor ruangan ke atas keputusan dan tindakan dalam pengundian di sempadan sesuatu kawasan pilihan raya merupakan elemen penting dalam pengkajian geografi politik. Kepentingan proses-proses ruangan dikaji untuk melihat peranan faktor ruangan ke atas keputusan dan tindakan individu dalam pengundian seperti pengaruh kejiranan yang berlaku dalam sesuatu wilayah atau sempadan sesuatu kawasan.

Analisis dari aspek geografikal menunjukkan bahawa PH terus menguasai wilayah Pantai Barat Semenanjung Malaysia di Selangor, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang di kawasan bandar dan separa bandar campuran etnik dan majoriti Cina. PN menguasai wilayah Pantai Timur dan Utara serta bahagian utara di Pantai Barat Semenanjung Malaysia di kawasan luar bandar majoriti Melayu iaitu di zon Semenanjung Pantai Timur iaitu Kelantan dan Terengganu; Utara Semenanjung iaitu Kedah serta Pulau Pinang Seberang Prai Utara dan Tengah; sebahagian Barat Semenanjung iaitu Utara Selangor dan Barat Selangor serta sebahagian kawasan separa

bandar di Negeri Sembilan manakala BN kekal berkuasa di kawasan luar bandar di Negeri Sembilan namun dengan jumlah kerusi yang menyusut (Lihat Rajah 1).

PN menguasai wilayah Pantai Timur dan Utara serta bahagian utara di Pantai Barat Semenanjung Malaysia di kawasan luar bandar majoriti Melayu iaitu di zon Semenanjung Pantai Timur iaitu Kelantan dan Terengganu; Utara Semenanjung iaitu Kedah serta Pulau Pinang Seberang Prai Utara dan Tengah; sebahagian Barat Semenanjung iaitu Utara Selangor dan Barat Selangor serta sebahagian kawasan separa bandar di Negeri Sembilan disebabkan oleh beberapa faktor yang bercampur. Terdapat beberapa faktor yang dikumpulkan yang menjadi penyebab sokongan majoriti pengundi Melayu di kawasan yang telah dinyatakan iaitu bermula dengan kepimpinan PN yang bersih; kepimpinan Tan Sri Muhyiddin yang mesra rakyat (panggilan ‘Abah’); tagline BEST (BErsih dan STabil); pengalaman dan jasa ketika mentadbir negara ketika era Pandemik COVID-19; pengaruh media sosial PN (Tik Tok) yang berkesan; isu perkauman dan keagamaan; jentera kempen PN yang sistematik dan agresif; PN sebagai ganti kepada BN (UMNO); dan kelemahan parti lawan.



**Rajah 1: Peta Taburan Geografi Enam Negeri iaitu Kawasan DUN yang Dimenangi Parti Politik yang Bertanding dalam PRU Negeri ke-15, 2023**

Sumber: Diubahsuai daripada SPR 2023

PH terus menguasai wilayah Pantai Barat Semenanjung Malaysia di Selangor, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang di kawasan bandar dan separa bandar campuran etnik dan majoriti Cina. Terdapat beberapa faktor yang dikumpulkan yang menjadi penyebab sokongan majoriti pengundi Cina dan India di kawasan yang telah dinyatakan iaitu bermula dengan PH sebagai parti berbilang kaum yang sesuai dengan komposisi etnik pengundi; kepimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim; simpati kerana PH dijatuhkan ketika Langkah Sheraton pada Mac 2020; politik

nilai (spt tatakelola yang baik, integriti, adil dan amanah) dalam PH diterima pengundi; isu integriti dan kepimpinan yang baik; kempen melalui media sosial (Twitter, Facebook dan Youtube) yang berkesan; retorik ceramah pemimpin yang mempesonakan; dan kepimpinan yang bersih, berpengalaman dan muda/bertenaga.

BN kekal berkuasa di kawasan luar bandar di Negeri Sembilan namun dengan jumlah kerusi yang menyusut. Terdapat beberapa faktor yang dikumpulkan yang menjadi penyebab sokongan majoriti pengundi Melayu di kawasan yang telah dinyatakan iaitu bermula dengan berpengalaman dalam pentadbiran negara; jasa BN dalam memajukan negara; kepimpinan yang diyakini, inginkan Kerajaan yang stabil dibawah kepimpinan BN; sederhana dalam urusan pemerintahan negara; berkhidmat kepada rakyat demi agama, bangsa dan negara; dan kesetiaan ahli parti.

### ***Aspek Sosiologikal***

Sebelum artikel ini menganalisis dan seterusnya mengemukakan hujah sosiologikal terhadap persoalan yang ditimbulkan, adalah sangat perlu untuk memahami konteks sosiologikal PRN 6 Negeri yang berlangsung pada 12.8.2023 yang lalu. Adalah sangat penting untuk difahami disini bahawa sebarang bentuk analisis atau dimensi analisis yang ingin dilakukan terhadap PRN 6 Negeri secara sosiologikalnya juga adalah “technically flawed” jika dianalisis secara berasingan dengan setiap aspek “socio-political affairs” yang wujud sama ada sebelum, semasa dan selepas Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15). Mengada demikian? Ini kerana PRN 6 Negeri adalah merupakan “electoral affairs” yang sangat terkait dengan PRU-15. Terkait dalam konteks PRN 6 Negeri terlangsung secara berasingan ekoran daripada empat [4] sebab sosio-politik berikut:

1. Kerajaan Perikatan Nasional (PN)---sebelum PRU15---dari sudut strategi menghadapi PRU-15, berpandangan adalah lebih baik mana-mana negeri yang mana mereka (PN) punya tahap sokongan yang tinggi untuk tidak membubarkan Dewan Undangan Negeri serentak dengan Parlimen, bagi tujuan tumpuan dan pengurusan pilihan raya dapat dikhususkan. Strategi tersebut turut diikuti dan diperaktiskan oleh PH iaitu Pulau Pinang, Selangor dan Negeri Sembilan, tiga [3] buah negeri yang dikuasai oleh PH;
2. PRU-15 adalah satu pentas politik yang sangat dinantikan oleh PH bagi tujuan “merampas” kembali “legitimasi politik” Pilihan Raya Umum ke-14 2018 (PRU-14) yang dimenangi hasil kerjasama dengan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), yang kemudiaannya “dirampas” legitimasi tersebut melalui “Langkah Sheraton” ekoran daripada penarikan diri PPBM daripada kerjasama berkenaan pada Februari 2020 diikuti dengan pembentukan kerajaan baru melalui kerjasama politik PPBM, UMNO-BN & Parti Islam SeMalaysia (PAS);
3. Pembentukan Kerajaan Perpaduan pasca PRU-15 menyaksikan satu catatan baru dalam perkembangan dan pembangunan politik demokrasi Malaysia selepas 60 tahun pembentukan Persekutuan Malaysia; iaitu asas kepada pembentukan Kerajaan Malaysia pasca PRU-15 terdiri dari kerjasama politik dalam kalangan parti politik yang telah “berseteru” semenjak sebelum pembentukan Persekutuan Malaysia iaitu antara UMNO dan Parti Tindakan Demokrasi (DAP). Kerjasama diantara ke-2 parti tersebut telah menimbulkan

keluh-kesah dan kecelaruan politik dalam kalangan penyokong masing-masing yang secara ideologi adalah sangat fanatik dan chauvanis sifatnya;

4. Sementara kesediaan Anwar Ibrahim untuk berkerjasama dengan sebuah parti (UMNO-BN) bagi tujuan pembentukan kerajaan pasca PRU-15, yang sering dilabelkan oleh beliau sebagai parti kelompok rasuah, kronisme dan nepotisme yang merupakan sumber kepada kemunduran dan kegagalan untuk Malaysia melangkah maju kehadapan; situasi ini (kerjasama PH-BN) secara tidak langsung memperkuatkan peribahasa politik yang sering diungkapkan iaitu “tidak ada musuh dan kawal yang kekal, yang kekal adalah kepentingan”.

Justeru, dalam empat [4] konteks sosio-politik yang dinyatakan tersebut merupakan landasan yang menjadi “setting parameter” kepada berlangsungnya PRN 6 Negeri pada bulan Ogos yang lalu. Dalam konteks “setting parameter” tersebutlah isu-isu utama yang terkait dengan PRN 6 Negeri muncul iaitu isu kos sara hidup, ancaman terhadap kelangsungan Melayu, dan kemunculan dominasi Cina dalam politik Malaysia dalam nuansa seperti “Hidup Melayu-Hidup Islam”, “Keadilan Untuk Semua” dan “Malaysia Untuk Semua Bangsa”.

Secara amnya, keputusan PRN 6 Negeri dapat difahami dalam dua dimensi yang berbeza. Pertama dimensi Majoriti Mudah, iaitu seperti mana yang kita semua ketahui, Sistem Pilihan Raya yang diamalkan di Malaysia semenjak sekian lama (semenjak Pilihan Raya Perbandaran Kuala Lumpur tahun 1952) adalah berdasarkan kepada sistem “First Past the Post” dimana melalui sistem ini, calon yang memperoleh undi yang paling banyak akan diistiharkan sebagai pemenang dalam pemilihan tersebut.

Jika didasarkan kepada jumlah keseluruhan kerusi yang dipertandingkan di PRN 6 negeri tersebut (mengikut sistem Majoriti Mudah), adalah jelas PN muncul sebagai “pemenang” dengan memperoleh penguasaan sebanyak 146 kerusi daripada 245 kerusi yang dipertandingkan di keseluruhan 6 negeri berkenaan. Gabungan kerjasama parti-parti PN juga menunjukkan catatan kemenangan yang sangat signifikan dan konstruktif di negeri Terengganu, Selangor dan Pulau Pinang. Di negeri Terengganu PN mencatatkan kemenangan “tidak dijangka” iaitu memenangi kesemua 32 buah kerusi yang dipertandingkan. Manakala di Selangor, di negeri yang dikenali sebagai “kubu-kuat” bagi PH, PN berjaya memenangi sebanyak 22 buah kerusi daripada 56 kerusi, secara tidak langsung menafikan penguasaan majoriti 2/3 Dewan Undangan Negeri (DUN) parti PH semenjak 14 tahun.

Demikian juga di Pulau Pinang, dimana PN berjaya memenangi 11 kerusi daripada 40 kerusi DUN yang dipertandingkan. Kejayaan PN memenangi sejumlah 11 kerusi di DUN Pulau Pinang adalah satu bentuk kemenangan yang bersifat “Big-Statement”. Pulau Pinang, selain Selangor merupakan “Strong and Comfortable Home Ground” kepada PH. Dalam erti kata lain PN melalui PRN 6 Negeri 2023 telah secara mekanikalnya membuat “inroads” di dua [2] buah negeri yang merupakan kubu-kuat PH. Menurut P. Ramasamy, bekas ahli DAP dan juga mantan Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang, kemenangan dan prestasi positif PN pada PRN 6 Negeri, khususnya di Pulau Pinang adalah kesan daripada faktor “pengaruh gelombang hijau”.

Berdasarkan kepada keputusan-keputusan tersebut, secara mekanikalnya memperlihatkan bahawa prestasi PH di PRN 6 Negeri adalah sangat “below-par”, manakala PN dilihat menunjukkan prestasi yang begitu “convincing”. Benarkah begitu? Jika dianalisis secara

kaedah peratusan berkadaran, yakni berdasarkan kepada jumlah undi popular keseluruhan di enam negeri yang diperoleh oleh PH-BN & PN ianya jelas menunjukkan bahawa tidak wujud perbezaan yang begitu melebar atau jurang perbezaan perkadaran yang tinggi. Gabungan PH-BN meraih sejumlah 49.5 %, sementara PN memperoleh 49.3 % undi popular, manakala lain-lain calon atau parti masing-masing mengumpul sejumlah 1.2 % undi.

Dalam erti kata lain, walaupun dari sudut jumlah kerusi PN secara mekanikal jelas menguasai, namun dari aspek undi popular, perbezaan antara ke dua blok politik tersebut adalah sangat tidak begitu signifikan. Jumlah undi popular yang diperoleh oleh masing-masing PH-BN dan PN memberi gambaran bahawa secara strukturalnya kedua blok masih mempunyai “support based” yang kuat. Walau bagaimanapun bagi blok PH-BN, jika dianalisis dengan lebih mendalam, kemerosotan undi popular yang diperoleh oleh UMNO khususnya merosot sekitar 10-15% di enam negeri tersebut. Daripada 108 keseluruhan kerusi yang ditandingi oleh UMNO, parti tersebut hanya memperoleh sekitar 13.4 % undi popular sahaja. Walaupun ramai pemerhati menyatakan bahawa prestasi UMNO di enam negeri tersebut adalah begitu merosot, namun tidak ada satu pun calon UMNO yang kehilangan deposit. Begitu juga dengan calon-calon yang mewakili blok PH, tiada seorang pun calon parti tersebut yang kehilangan wang deposit. Berbeza dengan blok PN, dimana seramai 18 orang calon mereka telah kehilangan wang deposit.

Analisis dari dua dimensi iaitu majoriti mudah dan peratusan perkadaran jelas menunjukkan bahawa kekuatan “support based” antara ke-2 blok politik tersebut adalah seimbang. Dalam konteks ini adalah agak “cacat” untuk menyatakan bahawa keputusan PRN 6 Negeri merupakan satu manifestasi terhadap pengukuhan gelombang hijau.

Berdasarkan kepada demografi kerusi yang dimenangi oleh ke-2 blok ianya memberi gambaran sebaliknya. Blok PH-BN umpamanya, majoriti kerusi yang dimenangi oleh mereka adalah kerusi-kerusi yang bersifat Majoriti Bukan Melayu dan kerusi yang berkategori campuran khususnya di kawasan bandar. Sementara PN majoriti kerusi yang dimenangi adalah di kawasan dominan Melayu-Islam yang rata-rata merupakan kerusi pertembungan diantara samada PAS vs UMNO atau PPBM vs UMNO.

Analisis dari sudut sosiologikal memberi gambaran berlainan berkenaan keputusan PRN 6 Negeri. Blok PH-BN khususnya kerusi yang ditandingi oleh DAP (memenangi 46 daripada 48 kerusi ditandingi) mengulangi prestasi cemerlang parti tersebut sewaktu PRU15 di peringkat Parlimen. Keunggulan dan prestasi DAP yang begitu menyakinkan semenjak PRU-13 jelas menunjukkan bahawa “gelombang merah” merupakan pilihan yang sangat signifikan dalam kalangan bukan sahaja pengundi Cina tetapi juga dalam kelompok pengundi muda pelbagai latar etnik.

Begitu juga jika diteliti prestasi UMNO, sekutu PKR & DAP pada PRN 6 Negeri 2023, menunjukkan bahawa majoriti penyokong UMNO membantah kerjasama politik yang diusahakan oleh kepimpinan Zahid Hamidi bersama Anwar Ibrahim. Naratif “UmDap” tidak berjaya diurus dengan baik oleh kepimpinan UMNO dalam menghadapi PRN 6 Negeri.

Naratif “UmDap” jelas memberi petunjuk bahawa kepimpinan UMNO berada pada tahap yang sangat berpecah dan tidak bersatu masa kini. Keputusan PRN 6 Negeri khususnya di kerusi ditandingi UMNO merupakan satu referendum majoriti ahli UMNO terhadap kepimpinan parti

tersebut. Referendum dan penolakan yang ditunjukkan oleh majoriti ahli UMNO terhadap parti UMNO memberi kesan limpahan kepada kerjasama politik PH-BN dalam PRN 6 Negeri. Dalam erti kata lain jika permasalahan dalaman kepimpinan UMNO tidak diselesaikan secara struktural, ianya bakal memberi kesan berangkai terhadap kemampuan UMNO untuk meraih sokongan undi Melayu pada PRU yang akan datang.

Hal ini sangat jelas diutarakan oleh pengemudi UMNO di peringkat bawah yang menyuarakan ketidaksesuaian mereka dengan kerjasama UMNO-DAP/PKR. Menurut mereka situasi ini amat menyukarkan mereka untuk menjelaskan kepada penyokong akar-umbi akan rasionaliti kerjasama tersebut. Dalam erti kata lain isu “house-keeping matters” khususnya pemilihan calon, merupakan elemen utama yang menyumbangkan kepada kegagalan UMNO untuk menonjol pada PRN 6 Negeri 2023.

Dalam konteks yang sama, prestasi PN yang “meyakinkan” tersebut, secara sosiologikalnya adalah “disumbang” oleh isu “house-keeping matters” yang dihadapi oleh UMNO pada masa kini. Contoh yang terbaik adalah ketidak-upayaan PN, khususnya PBBM untuk menyerlah di Negeri Sembilan. UMNO Negeri Sembilan berada sedikit kemas dalam menghadapi PRN 6 Negeri, sementara PN, khususnya PPBM Negeri Sembilan dilihat tidak tersusun dan punya masalah “house-keeping matters”.

Berdasarkan kepada penjelasan sosiologikal tersebut, naratif bahawa “gelombang hijau” ataupun “referendum terhadap PH-BN” perlu diulang-fikir dan tidak seharusnya diterima secara total. Artikel ini menjelaskan bahawa berasaskan kepada analisis dari dimensi sosiologikal dan juga struktural jelas menunjukkan bahawa keputusan PRN 6 Negeri terkandung naratif yang berbeza yang boleh diangkat dan dipertimbangkan iaitu pengukuhan “gelombang merah” dan juga “referendum ahli UMNO” terhadap parti UMNO yang kini merupakan sekutu utama PH-BN dalam kerajaan perpaduan.

## Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, PH dan PN masing-masing kekal menguasai negeri yang dimenangi pada PRU-14 2018 iaitu PH kekal menguasai Pulau Pinang, Selangor dan Negeri Sembilan namun dengan penyusutan kerusi di kawasan Melayu luar bandar; manakala PN kekal di Kelantan, Terengganu dan Kedah. Artikel ini juga menjelaskan bahawa keputusan PRN 6 Negeri 2023 yang lalu terkandung didalamnya satu dimensi yang sangat jelas mewakili situasi terkini dalam perkembangan sosio-politik Malaysia iaitu “pengukuhan gelombang merah” dan kemunculan “gelombang hijau” kesan daripada kemerosotan hegemoni-UMNO dalam kalangan bukan sahaja pengundi Melayu tetapi juga ahli UMNO itu sendiri.

## Penghargaan

Penghargaan kepada Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) kerana membiayai projek penyelidikan ini melalui Geran Kecil Penyelidikan (GKP) dengan kod penyelidikan SK-2023-021.

## Rujukan

- Agenda Massa. (2022). *Dari PRU-14 ke PRU-15*. Cyberjaya: Enigma Fikir Sdn. Bhd.  
Agenda Massa. (2023a). ‘Perkahwinan’ Politik Luar Biasa. Dlm Agenda Massa. Edisi 10, Februari. 5-8. Cyberjaya: Enigma Fikir Sdn. Bhd.  
Agenda Massa. (2023b). Belanjawan 2023: Membangun Malaysia Madani. Dlm Agenda Massa. Edisi 11, Mac-April. 5-12. Cyberjaya: Enigma Fikir Sdn. Bhd.

- Amer Saifude Ghazali. (2009). *Geografi Pilihan Raya Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Business Today. (2023). Anwar Ibrahim 100 Days Report Card: Pass or Fail?. *Business Today*. Edition 01, Vol. 23, 40-45.
- Junaidi Awang Besar. (2016). Analisis Geografi Pilihan Raya, Sosiopolitik dan Sosiobudaya di Kawasan Parlimen Bagan Serai, Negeri Perak Darul Ridzuan, Malaysia. *The 2016 Konferensi Internasional Budaya Melayu*. Anjuran Fakultas Ilmu Budaya, Universitas Jambi (UNJA), Sumatera, Indonesia. Tempat: Kampus UNJA Pasar, Jambi, Sumatera, Indonesia. 26-27 Oktober.
- Junaidi Awang Besar. (2023a). Pilihan Raya Umum Malaysia ke-15: Pola sokongan pengundi berdasarkan faktor kewilayahannya. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities* 20(1): 168-180.
- Junaidi Awang Besar. (2023b). PRU-15: Tiadanya parti politik yang menang majoriti Mudah 112 Kerusi Parlimen untuk membentuk Kerajaan Persekutuan Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication* 8(31): 97-121.
- Kamarazaman Yacob. (2023). *Bersama Anwar ke Penjara*. Petaling Jaya: IKK Sdn. Bhd.
- Krishnamoorthy, M. (2023a). *Anwar Prison to Palace PM for All*. Petaling Jaya: Krishnamoorthy Muthali.
- Krishnamoorthy, M. (2023b). *Anwar: Penjara ke Istana, PM Untuk Semua*. Seri Kembangan: Firdaus Press Publication.
- Mohamed Nasser Mohamed. (2023a). *100 Warkah, 1,000 Impian Anwar PM-10: Coretan Rakyat Malaysia (Jilid 1)*. Kajang: Nuha Creative Resources.
- Mohamed Nasser Mohamed. (2023b). *100 Warkah, 1,000 Impian Anwar PM-10: Coretan Rakyat Malaysia (Jilid 2)*. Kajang: Nuha Creative Resources.
- Mohammad Qayyum A. Badaruddin. (2022). *Anwar Ibrahim PM10*. Kajang: Casamas Resourses.
- Mohd Azhar Abd Hamid & Kassim Thukiman. (2022). Naratif 'kaum dan agama' mampu gugat agenda perpaduan nasional. *BHarian Online*. <https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2022/11/1030277/naratif-kaum-dan-agama-mampu-gugat-agenda-perpaduan-nasional>. 23 November.
- Mohd Noor Yazid. (2023). Perkembangan Politik Malaysia Pasca PRU-15. *Dewan Masyarakat*. 02/Februari. Jilid 60.
- Mohd Sayuti Omar. (2023). *Noktah. Sebuah Penantian Anwar PM 10*. Kuala Lumpur: Tinta Merah.
- Mohd Yusri Ibrahim & Aiman Yusri. (2022). Masyarakat Madani Teras Pembinaan Negara. Dlm. Noor Rohana Mansor, Mohd Yusri Ibrahim & Wan Nurhafeza Wan Salam. *Membina Masyarakat Madani Sejahtera: Pendidikan, Dakwah, Politik dan Kepimpinan*. Kuala Nerus: Penerbit Universiti Malaysia Terengganu.
- Muhammad Yusri Muzamir. (2022). PRU15: Pola undi popular berubah secara signifikan. *BHarian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/11/1028982/pru15-pola-undi-popular-berubah-sekara-signifikan>. 20 November.
- Muhammad Zaini Rizal Harris Fadilah & Novel Lyndon. (2021). *Peranan Media Sosial dalam Penyebaran Propaganda Politik di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Murray Hunter. (2022a). No one party rule after GE-15. In Murray Hunter & Lim Teck Ghee. *Malaysia Towards GE15 and Beyond*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.

- Murray Hunter. (2022b). GE15: The Coming Battle for the Malay Heartland. In Lim Teck Ghee & Murray Hunter. *Dark Forces Changing Malaysia*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.
- Noor Azam Abdul Rahman. (2023). Kepimpinan Tunjang Pembentukan Malaysia Madani. *Dewan Masyarakat*. Jilid 60, Bil 3/Mac. 6-11.
- Noordin Zakaria. (2023). PAS Lencongkan Undi Anak Muda. Dlm *Dewan Masyarakat*. Bil. 01, 34-35.
- Nor Miswary Ramli. (2022). *Membina Semula Harapan Malaysia*. Petaling Jaya: The Biblio Press Enterprise.
- Osman Ayob. (2023). Kerajaan Perpaduan: Cabaran Untuk PM ke-10. Dlm *Dewan Masyarakat*. Bil. 01, 36-37.
- Reilly, B. (2023). Electoral Reform and Ethnic Politics: Malaysia in Comparative Perspective. In Ting, HMH & Horowitz (Edited). *Electoral Reform and Democracy in Malaysia*. Copenhagen, Denmark: NIAS Press.
- Ronifira Rejab. (2023a). *Anwar PM10: Airmata dan Sumpah, Duri dan Ranjau Sebuah Perjalanan*. Kuala Lumpur: Jagat Media PLT.
- Ronifira Rejab. (2023b). *Anwar: Prolog Menuju Negara Bangsa Progresif*. Kuala Lumpur: Jagat Media PLT.
- Rosmadi Fauzi, Aziz Shafie, Amer Saifude Ghazali, Zulkanain Abdul Rahman & Mohammad Redzuan Othman. (2011). Elemen ruangan dalam politik Malaysia menjelang Pilihan Raya Umum 13. Kertas Kerja Seminar Politik Malaysia. 12 Januari. UiTM Shah Alam.
- Ruslan Rainis & Noresah Mohd Shariff. (1998). *Sistem Maklumat Geografi*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shah Mohd Akmal Abdul Halim. (2023). 54 Tahun Meniti Perjuangan yang Panjang. Dlm *Dewan Masyarakat*. Bil. 01, 6-11.
- Sivamurugan, P. (2022). PRU-15: Tinjauan Calon PM. Dlm. *Dewan Masyarakat*, bil. 12.
- Sothi Rachagan. (1993). *Law and the Electoral Process in Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press.